



MyPSA Western Australia Secretariat,  
c/o Consulate General of Malaysia (Perth),  
252, Adelaide Terrace, Perth, WA 6000, Australia.

✉ secretariat@myspa-wa.org  
🌐 <http://www.myspa-wa.org>  
☎ +6 (0) 8 7654 3210

## KENYATAAN MEDIA (1 JUN 2009)

**Persatuan Pelajar Pasca Siswazah Malaysia-Western Australia** atau **Malaysian Postgraduate Students Association-Western Australia (MyPSA WA)** telah ditubuhkan secara rasminya pada 18 April 2009 bersamaan 23 RabiulAkhir 1430H. Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Y. Berusaha Dr. Mohd Nasir Abu Hassan, Pengarah MSDA bertempat di Curtin University of Technology, Perth, Western Australia.

MyPSA-WA bermula dalam tahun 2006/2007 dengan sebuah kumpulan e-mail (e-mail group) yang dikenali sebagai Malaysian Western Australia Ring atau singkatannya MAWAR. Ia bertujuan untuk menyalurkan segala bentuk informasi khususnya kepada pelajar-pelajar pasca siswazah Malaysia di Western Australia. Cadangan penubuhan MyPSA-WA tercetus apabila jumlah pelajar-pelajar pasca siswazah Malaysia yang menuntut di universiti-universiti sekitar Western Australia semakin meningkat dan menyedari hakikat bahawa kepentingan dan keperluan sebuah persatuan yang berdaftar untuk ditubuhkan. Justeru pada tanggal 17 Ogos 2008, mesyuarat pertama pelajar pasca siswazah Malaysia di Western Australia telah diadakan dan satu Jawatankuasa Penaja telah dilantik untuk menggerakkan usaha penubuhan MyPSA WA.

MyPSA-WA merupakan satu persatuan yang ditubuhkan bertujuan menjaga kebajikan, memastikan kecemerlangan akademik serta memupuk semangat kekeluargaan dikalangan ahli persatuan. Setakat April 2009, keahlian MyPSA-WA mencecah seramai 180 orang ahli berdaftar terdiri daripada pelajar-pelajar Malaysia (Pascasiswazah) dan pasangan yang sedang menuntut di universiti-universiti sekitar Western Australia (WA), Australia. Empat objektif utama penubuhan MyPSA-WA ialah:

- 1. Menjaga Kebajikan**
- 2. Memacu Kecemerlangan Akademik**
- 3. Mengeratkan Kekeluargaan**
- 4. Mengukuhkan MyPSA WA**

MyPSA-WA amat berbesar hati dengan kesudian para wartawan Malaysia untuk mengadakan sesi temubual bersama wakil pelajar pasca siswazah Malaysia yang sedang menuntut di Western Australia. MyPSA WA juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Australian Education International (AEI) kerana mengaturkan pertemuan ini. MyPSA WA amat berharap para wartawan Malaysia yang terlibat serta pihak AEI dapat menghebahkan kewujudan MyPSA WA kepada semua pihak terutamanya kepada warga Malaysia yang bakal menyambung pelajaran peringkat pasca siswazah di Western Australia. Segala maklumat berkaitan MyPSA WA boleh diperolehi dengan melayari laman web MyPSA WA di alamat berikut:

<http://www.myspa-wa.org>

### **AHMAD FAREED ISMAIL**

Presiden  
Persatuan Pelajar Pasca Siswazah Malaysia-Western Australia (MyPSA WA)  
H/p: 04 02743152  
Email: ahmadfareedi@yahoo.com



MyPSA Western Australia Secretariat,  
c/o Consulate General of Malaysia (Perth),  
252, Adelaide Terrace, Perth, WA 6000, Australia.

✉ secretariat@mypsa-wa.org  
🌐 <http://www.mypsa-wa.org>  
☎ +6 (0) 8 7654 3210

---

## **PRESS RELEASE (1 JUNE 2009)**

**Malaysian Postgraduate Students Association-Western Australia (MyPSA WA)** officially launched on the 18 April 2009/ 23 RabiulAkhir 1430H by Dr. Mohd Nasir Abu Hassan, the Director of Malaysian Students Department Australia. The historic ceremony held together with the First Annual Meeting of MyPSA-WA and took place in Curtin University of Technology, Perth, Western Australia.

MyPSA-WA originally started in 2006/2007 with an e-mail group known as Malaysian Western Australia Ring (MAWAR). The idea during that time was to disseminate all type of information among the Malaysian postgraduate students in Western Australia. Ever since, the number of Malaysians pursue their postgraduate studies in Western Australia dramatically increased and among these students, they started to realize the necessity and need for an association to represents them. Therefore, on the 17 August 2008, the very first meeting among the Malaysian postgraduate students held and a working committee appointed to start the process of founding the new association known as MyPSA-WA.

MyPSA-WA is an association responsible on welfare of Malaysian postgraduate students in Western Australia. We also support our members to excel in academics and accomplish their studies here in Western Australia. Furthermore, MyPSA WA also play a major role to strengthen the relationships among all Malaysian postgraduate students in Western Australia as one big family. Until April 2009, our registered members reach up to 180 members consist of all Malaysian postgraduate students and spouse that pursue their studies in any universities around Western Australia. Four main objectives of MyPSA WA are:

- 1. Responsible on members' welfare**
- 2. Supports members to excel in academic**
- 3. Strengthen the relationships among members**
- 4. Promote and establish MyPSA WA as an association representing all Malaysian postgraduate students in Western Australia**

MyPSA-WA is honored to have Malaysian Journalists in Perth for the interview session to share our student representatives' experiences on postgraduate studies in Western Australia. MyPSA WA also thanks the Australian Education International (AEI) for organizing this special meeting with the Malaysian Journalists and we looking forward for future collaboration with AEI. We also hope both the AEI and Malaysian Journalists will spread the news on the existing of MyPSA WA especially to any Malaysians who attend to pursue their postgraduate studies in Western Australia. For further information and communications with MyPSA WA , please refer to our website at <http://www.mypsa-wa.org>

### **AHMAD FAREED ISMAIL**

President  
Malaysian Postgraduate Students Association-Western Australia (MyPSA WA)  
Mobile: 04 02743152  
Email: ahmadfareedi@yahoo.com